

Rumah mampu milik pertama di Kwasa Damansara

Dibangunkan PNSB dengan kerjasama Kwasa Land

Oleh NORAFIZA JAAFAR SHAH ALAM

Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dengan kerjasama Kwasa Land Sdn Bhd (Kwasa Land) melancarkan pembangunan rumah mampu milik pertama di Kwasa Damansara pada Jumaat.

Rumah Idaman Kwasa Damansara berkonsep moden itu ditawarkan dengan harga RM250,000 berkeluasan 1,000 kaki persegi terdiri tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Pengerusi Kwasa Land, Tan Sri Mohammed Azlan Hashim berkata, fasa pertama projek itu akan dibangunkan di Plot R4-1 dan R4-2 merangkumi lebih 4,600 unit rumah mampu milik di atas ta-

nah berkeluasan 15 ekar yang disasarkan siap menjelang 2026.

Menurutnya, projek tersebut merupakan satu daripada pelbagai projek yang bakal dilaksanakan Kwasa Land bersama beberapa rakan pemaju di dalam pembangunan perbandaran bercampur seluas 914 hektar.

“Sejak awal fasa pembangunan bandar Kwasa Damansara ini, kami membuat keputusan wajar untuk menangani isu keperluan perumahan kerana kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan kami.

“Ia dibuktikan dengan matlamat kami memperuntukkan 40 peratus daripada jumlah keseluruhan rumah di perbandaran ini untuk pembinaan rumah mampu milik.

“Ini bermakna lebih 10,000 daripada keseluruhan 25,000 rumah kediaman merupakan rumah mampu milik,” katanya pada majlis pecah tanah Rumah Idaman Kwasa Damansara pada Jumaat.

Perasmian majlis disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin



Amirudin (depan, tiga dari kiri) melihat pelan pembangunan perbandaran Kwasa Damansara pada Jumaat.

Shari yang turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Haris Kasim serta Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim.

Mohammed Azlan berkata, Rumah Idaman Kwasa Damansara akan dilengkapi dengan kabinet dapur, almari, set TV dan kabinet, pendingin hawa di se-

mua bilik tidur, alat pemanas air dan peti sejuk.

Ujarnya, setiap unit juga diberi dua lot tempat letak kereta.

“Kami berharap dapat memenuhi aspirasi rakyat, sejajar dengan usaha kerajaan negeri menyediakan perumahan bagi kumpulan berpendapatan B40 dan M40 terutama pembeli rumah kali pertama,” katanya.

Sementara itu, Amirudin berkata, Rumah Idaman Kwasa Damansara merupakan projek Rumah Idaman pertama yang dilancarkan bagi tahun 2023.

Menurut beliau, penyediaan rumah mampu milik merupakan langkah penting untuk menjaga kestabilan ekonomi dan sosial jangka masa panjang di Selangor.

“Sebanyak 24,000 unit sedang mendapatkan kebenaran merancang, 6,500 masih dalam pembangunan dan 2,400 unit telah disiapkan terutama projek di Kajang dan Bangi.

“Kerajaan negeri menyasarkan jumlah rumah siap akan bertambah menjelang tahun 2025,” katanya.

Tambah beliau, kerajaan negeri di fasa menyediakan bantuan deposit kepada pembeli rumah kali pertama susulan hampir 60 peratus daripada mereka terpaksa menolak tawaran pembelian Rumah Selangorku akibat masalah penyediaan deposit.

Lebih 1,000 barangan kanak-kanak ditawarkan di Pavilion Indonesia

KLANG - Lebih 1,000 produk merangkumi barangan bayi dan mainan kanak-kanak ditawarkan di Pavilion Indonesia yang mula beroperasi di GM International Exhibition (M) Sdn Bhd (GMIE) pada Jumaat.

Pengarah Urusan GM Klang, Datuk Lim Seng Kok berkata, pavilion itu bertujuan membantu pengusaha dari Indonesia mewujudkan pusat pemasaran serantau yang berpangkalan di Malaysia.

Menurutnya, pada masa sama kerjasama tersebut dapat menggalakkan pembangunan ekonomi, perdagangan dan pelancongan antara Malaysia dan Asia Tenggara.

“Misi kita adalah untuk membantu mereka mengeksport produk ke luar negara di samping meningkatkan peranan GM Klang sebagai pusat pemborong serantau di Asia Tenggara.

“Ini tidak hanya terhad kepada perusahaan permainan kanak-kanak sahaja, kita tu-



Atase Perdagangan Kedutaan Indonesia di Kuala Lumpur, Deden Muhammad Fajar Shiddiq (tengah) bersama Sutjiadi Lukas (dua dari kiri) dan Seng Kok (kiri) pada pelancaran Pavilion Indonesia yang diadakan di Pusat Borong GM Klang pada Jumaat.

rut mengalu-alukan industri lain untuk bersama-sama mempromosikan barangan mereka di sini.

“Indonesia mempunyai kekuatannya tersendiri dan pasaran amat luas berikutan jumlah penduduk yang ramai,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* selepas Majlis Perasmian Pavilion

Indonesia di GM Klang pada Jumaat.

Ujar Seng Kok, pihaknya sudah mengadakan perbincangan bersama beberapa kedutaan untuk membawa lebih banyak pengusaha luar negara masuk ke Malaysia.

“Selain produk luar negara, kita juga menyediakan pameran

barangan industri kecil dan sederhana (IKS) dari Sabah dan Melaka. Saya berharap untuk akan datang lebih banyak pameran IKS melibatkan seluruh negeri di Malaysia akan diwujudkan di sini,” ujarnya.

Dalam pada itu Pengurus Kanan Komunikasi Jenama GM Klang, Norsuhaida Othman berkata, sejak GMIE memulakan operasi empat tahun lalu banyak produk terutamanya permainan dan barangan bayi telah dibawa masuk ke GM Klang.

Jelasnya, sehingga kini, mereka telah memiliki lebih 50,000 produk pameran di ruang perniagaan yang terletak di aras 5 blok B.

“Konsep kita adalah untuk menjadi perantara pembeli dengan kilang-kilang besar bagi membekalkan produk dengan efisien dan selamat.

“Ramai peniaga kecil telah berjaya mendapatkan stok-stok perniagaan mereka melalui GMIE dengan penjimatan yang lebih dari segi masa, wang dan tenaga,” tambahnya.

Sementara itu, Ketua

Asosiasi Mainan Indonesia (AMI), Sutjiadi Lukas berkata, Pavilion Indonesia di GM Klang ketika ini merangkumi 10 pengusaha industri mainan kanak-kanak dan barangan bayi dari Indonesia.

Beliau memberitahu, AMI akan terus mengembangkan pasaran dengan membawa seramai mungkin pengusaha merangkumi pelbagai industri ke pusat borong itu.

“Saya cuba untuk terus bawa pengusaha Indonesia yang ingin memajukan perniagaan mereka dengan mengeksport barangan ke luar kerana ketika ini produk Indonesia juga tidak kurang hebatnya seperti produk China yang selama ini mendominasi (industri pembuatan barangan).

“Saya juga jangka seramai 25 pengusaha dari pelbagai sektor akan sertai kami untuk memasarkan produk mereka di Pavilion Indonesia bagi tahun ini,” jelasnya.

FOTO : ROSLI TALIB